

Kesedaran masyarakat terhadap hak kanak-kanak masih rendah

Dr Juppi Bacotang,
Pensyarah
Kanan, Universiti
Malaysia Sabah

Seperti orang dewasa kanak-kanak mempunyai hak untuk kehidupan, perlindungan dan berkembang. Namun, bukan asing juga untuk kita mendengar berita mengenai pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi terhadap kanak-kanak.

Hal sebegini bukanlah perkara baharu, ia kerap dilaporkan berlaku di negara kita sejak dahulu. Keadaan ini menunjukkan tahap kesedaran dan kepedulian masyarakat mengenai hak-hak kanak-kanak masih rendah.

Atas kesedaran itu, Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi Kelab Pendidikan Awal Kanak-kanak, Fakulti Psikologi dan Pendidikan menganjurkan Forum Hak Kanak-Kanak peringkat Kebangsaan 2022 secara dalam talian awal bulan ini dengan tema yang menekankan mengenai kepentingan terbaik untuk kanak-kanak.

Forum berkenaan adalah sebahagian daripada usaha kecil UMS untuk meningkatkan kesedaran terhadap hak kanak-kanak yang sehingga kini kurang diberikan penekanan. Antaranya seperti yang ditegaskan oleh Profesor Undang-Undang Keluarga, Wanita, dan Kanak-kanak, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal yang menyebut, semenjak Malaysia memeterai Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak pada Februari 1995, sudah banyak dasar dan undang-undang digubal untuk menjamin hak kanak-kanak, termasuk Akta Kanak-kanak 2001.

Isu kanak-kanak tanpa kewarganegaraan

Walau bagaimanapun, hak kanak-kanak di Malaysia belum terjamin sepenuhnya kerana ada beberapa perkara atau isu yang tidak diambil berat oleh Kerajaan Malaysia, misalnya kanak-kanak tanpa kewarganegaraan (*stateless child*).

Masalah ini wujud akibat daripada kanak-kanak yang terbiar atau dibuang, kegagalan ibu bapa mendaftarkan perkahwinan atau tidak mempunyai sijil nikah, kanak-kanak pelarian, selain mereka yang tidak bernegara.

Isu ini perlu dilihat dengan lebih dekat dan amatlah wajar untuk kanak-kanak tanpa kewar-

ganegaraan diberikan dokumen sementara supaya maklumat kelompok ini dapat direkodkan dan memudahkan usaha menjejaki mereka.

Dokumen sementara itu bukan bermaksud untuk memberikan mereka kewarganegaraan Malaysia sepenuhnya, tetapi sekurang-kurangnya rekod sebegini dapat mengiktiraf kelompok ini dilihat sebagai individu yang sah dan mempunyai hak untuk mendapat perlindungan, kesihatan dan pendidikan yang sepatutnya.

Dalam jangka panjang, langkah ini dapat mengurangkan jenayah sosial dalam komuniti setempat kerana mereka sudah ada pengetahuan dan kesedaran mengenai perkara yang baik dan buruk. Seterusnya, kanak-kanak ini dapat memberi impak positif kepada negara, misalnya apabila dewasa kelak, mereka boleh menjadi tenaga buruh sah, sama seperti kumpulan pekerja asing yang dibawa masuk kerajaan daripada negara luar.

Ini lebih menguntungkan kepada negara, bukan sahaja dapat mengurangkan kos, malah mereka lebih mudah untuk berkomunikasi dan berhubung dengan komuniti tempatan kerana pengetahuan yang luas mengenai adat resam, budaya, bahasa

serta agama setempat.

Pendidikan seks sejak awal usia

Selain itu, kanak-kanak juga perlu diberikan pendidikan mengenai pendidikan seks sejak di awal usia. Hal ini supaya mereka memahami hak sendiri berdasarkan banyaknya kes penderaan seksual terhadap kanak-kanak sama ada rogol atau sumbang mahram.

Isu ini turut ditekankan Pengarah Pusat Pembangunan Kajian Kanak-Kanak Kebangsaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Prof Madya Dr Mazlina Che Mustafa yang menekankan mengenai pentingnya kanak-kanak diajar mengenal anggota tubuh lelaki dan perempuan, cara sentuhan selamat, tidak selamat, tidak selesa dan cara menjaga keselamatan diri.

Sememangnya semua itu sudah diajar kepada kanak-kanak apabila menjejak kaki ke pra sekolah. Pendidikan itu diajar menerusi subjek Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial, namun ia masih perlu ditekankan dengan lebih baik lagi dan boleh diajar kepada kanak-kanak lebih awal daripada usia itu.



Kanak-kanak mempunyai hak mendapatkan kehidupan dan perlindungan yang terbaik.

(Foto hiasan)